

**FORMAT PELAPORAN INOVASI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

---

**A- MAKLUMAT BAHAGIAN**

Nama Bahagian : JP SABAH  
Alamat Bahagian : Aras 1-3, Blok C, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah  
No. Telefon : 088-484642  
No. Faks : 088-484659

**B- PROJEK INOVASI**

Tajuk Projek Inovasi : Penggunaan **Mesin Penyalin Atas Talian**  
(*Network Copier Machine*)  
Ketua Projek : Puan Lim Mui Cheng

**C- PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB UNTUK DIHUBUNGI**

Nama : Puan Lim Mui Cheng  
Jawatan : Penolong Pengarah  
No. Telefon : 088-484641  
No. Faks : 088-484682  
E-mel : mclim@stats.gov.my

**D- PENGESAHAN PENGARAH**

-----  
Tandatangan Pengarah

Nama: Hj. Norezan Bin Wahid  
Jawatan: Pengarah Negeri

-----  
Cap Rasmi Bahagian

Tarikh:

## **BAHAGIAN 1: BUTIRAN PROJEK**

### **Objektif Projek :**

Perkongsian percetakan dan penyalinan dokumen secara atas talian (*online*) melalui LAN Jabatan.

### **Penerangan Projek:**

Projek ini dijalankan sebagai langkah penyelesaian masalah 'dua dalam satu' kepada mesin penyalin yang kerap rosak di Seksyen PLN serta masalah pembelian toner pencetak di JP Sabah.

#### Sebelum ini:

Seksyen PLN mempunyai sebuah mesin penyalin untuk keperluan seksyen dan tiga unit pencetak yang dikongsi bersama untuk seramai 27 anggota dalam seksyen. Mesin penyalin yang berjenama Minolta Di 470 **diperoleh pada 3.8.2005** dan pencetak-pencetak berkenaan telah diperoleh di bawah **projek Banci Ekonomi tahun 2006**. Mesin penyalin ini kerap menghadapi masalah dan kos pembaikan semakin tinggi. Masalah semasa yang dihadapi adalah sekurang-kurangnya 5 salinan pertama didapati imej tidak jelas pada setiap kali mesin mula digunakan. Punca masalah ini adalah kerosakan pada **filem pengering** yang telah mencapai jangka hayat penggunaannya dan kos penggantian adalah sebanyak RM2,000. Di samping masalah kos pembaikan, JP Sabah turut menghadapi kekangan **pembelian toner untuk mesin penyalin dan pencetak** yang mempunyai had nilai perolehan mengikut jenis item tidak melebihi RM50,000 setahun. Pembelian mesin penyalin baru adalah tidak dibenarkan lanjutan keputusan Jabatan untuk membekukan semua jenis pembelian aset harta modal mulai suku tahun yang kedua 2011.

Selepas inovasi dilakukan, percetakan oleh pengguna boleh dilakukan atas talian dan penyalinan dari mesin penyalin yang sama. Pembekal mesin adalah bertanggungjawab penuh keatas penyelenggaraan, pembaikan dan bekalan toner. JP sabah hanya perlu membayar kos mengikut bilangan salinan yang disalin/dicetak sahaja dan telah mengurangkan kos pembaikan dan pembelian toner untuk mesin penyalin dan pencetak di samping mengurangkan prosedur perolehan perbelanjaan tersebut. Pembekal akan memastikan kualiti penyalin ini sentiasa dalam keadaan yang baik justeru memenuhi kepuasan pengguna dalaman dan Pelanggan Jabatan.

### **Carta Perbatuan:**

Seperti di Lampiran 3

<p><b>Teknologi <i>Benchmarking</i>:</b></p> <p><b>(Sekiranya ada)</b></p> <p>Tiada</p>
<p><b>Kaedah Pembangunan Projek (Dalaman/Luaran):</b></p> <p>Perolehan sebutharga dari pembekal untuk perkhidmatan menyewakan mesin penyalin atas talian tanpa kos menyewa, penyelenggaraan dan kos alat ganti.</p>
<p><b>Projek <i>Deliverables</i>:</b></p> <p>Dapat memenuhi keperluan penggunaan percetakan dalaman secara berkongsi untuk seksyen PLN serta percetakan untuk pengguna luar Jabatan bagi mereka yang memilih mendapatkan salinan cetakan melalui kaunter.</p>

## **BAHAGIAN 2: KOS DAN IMPAK**

<p><b>Kos Projek:</b></p> <p>Rujuk penjimatan kos sebelum dan selepas seperti di Lampiran 4</p>
<p><b>Daya Saing:</b></p> <p>Kualiti dan perkhidmatan menyalin dan percetakan yang lebih memuaskan serta berterusan untuk semua pengguna dalaman dan luar.</p>
<p><b>Kesan Inovasi:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Seksyen PLN, JP Sabah dapat mengurangkan kos mencetak daripada purata <b>RM0.170 sesalinan</b> kepada <b>RM0.035 sesalinan</b> berdasarkan anggaran perbelanjaan dan keperluan mencetak bagi tempoh Ogos hingga Disember 2011. Justeru, perbelanjaan yang diperlukan untuk membaiki mesin penyalin (RM2,000.00) dan pembelian <i>toner</i> (RM3,550.00) telah diijimatkan dengan hanya membayar penggunaan mengikut bacaan meter sebanyak RM525 sebulan, <b>penjimatan sebanyak RM1,687.50 atau 79.4%</b> dalam tempoh berkenaan.</li> <li>2. Penyelenggaraan berjadual, pertukaran alatganti dan bekalan <i>toner</i> mesin penyalin tanpa bayaran tambahan.</li> <li>3. Pengguna dapat menggunakan perkhidmatan cetakan atas talian secara berterusan dengan kualiti hasil cetakan yang memuaskan.</li> </ol>

### **BAHAGIAN 3: PROSES SEBELUM DAN SELEPAS**

<b>No.</b>	<b>Modul</b>	<b>Sebelum</b>	<b>Selepas</b>
1.	Kemudahan menyalin	Mesin penyalin dimiliki JP Sabah	Mesin penyalin atas talian, penyelenggaraan berjadual, bekalan toner dan alat ganti ditanggung oleh pembekal. Hanya kos penggunaan mengikut meter perlu dibayar oleh Jabatan.  1 unit mesin penyalin dalam proses pelupusan.
2.	Kemudahan mencetak	Menggunakan mesin pencetak dimiliki JP Sabah	Menggunakan mesin penyalin atas talian seperti di atas.  2 unit mesin pencetak dikeluarkan dari Seksyen PLN untuk agihan semula ke seksyen lain.

UNIT PELAKSANAAN PIAWAI & INOVASI  
SEKSYEN PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN  
BAHAGIAN METODOLOGI & PENYELIDIKAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA